

Penarafan THE pacu agenda UniMAP

Universiti komited terus tumpu pengukuhan TVET

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bertekad terus memperkasakan agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET), seiring kejayaan julung kalinya tersenarai dalam Penarafan Universiti Dunia 2020 kendalian Times Higher Education (THE).

Naib Canselor UniMAP, Prof Dr R Badlishah Ahmad, berkata meskipun kejayaan itu berupaya dibanggakan, banyak ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, terutama TVET dan sumbangan universiti kepada masyarakat



Badlishah Ahmad

khususnya sekitar Perlis.

Katanya, UniMAP mempunyai tanggungjawab sosial bagi memastikan hasil kerja universiti menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan sosial dengan memastikan ia mencapai keseimbangan antara kejayaan global yang diukur THE dan menjana manfaat kepada masyarakat.

"Hasrat ini kami terjemahkan kini melalui slogan 'kejuruteraan dan teknologi untuk kemanusiaan' dan ia selari agenda universiti untuk masyarakat yang didasari Kementerian Pendidikan.

"Kejayaan UniMAP ini bukan tiket untuk bersaing dengan universiti lain di Malaysia, sebaliknya kita perlu menetapkan hala tuju berlandaskan kemajuan dan pertumbuhan universiti sendiri.

"UniMAP tidak berada dalam mana-mana penarafan, untuk bersaing dengan universiti lain, tetapi mengutamakan prestasi kami sendiri, terutama bagi memastikan manfaat dan hasil berkualiti selaras pembangunan negara secara amnya.

"Selain itu, UniMAP memberi tumpuan kepada pengukuhan TVET dengan penetapan matlamat untuk melahirkan graduan yang akan memberi impak positif kepada negara dan rantau ini, baik dari segi ekonomi berlandaskan nilai teras universiti iaitu ilmu, keikhlasan serta kecemerlangan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Berdasarkan Penarafan Universiti Dunia 2020 kendalian THE, UniMAP dan Universiti Multimedia (MMU) adalah ahli baharu dalam senarai berkenaan, sekali



UniMAP mempunyai tanggungjawab sosial pastikan hasil kerja universiti sumbang ke arah kesejahteraan sosial. (Foto Hiasan)

gus menjadi perwakilan institusi pengajian tinggi Malaysia meningkat dari 11 kepada 13 universiti.

UniMAP berada pada kedudukan universiti ketiga terbaik di Malaysia iaitu dalam kelompok 601-800 yang turut dibarisi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tek-

nologi Petronas (UTP).

Mendahului senarai universiti ialah Universiti Malaya (UM) yang berada pada kelompok 301-350 terbaik.

Badlishah turut menzahirkan kegembiraan dan berterima kasih kepada kedua-dua Naib Canselor terdahulu atas komitmen serta kepimpinan mereka, sekali gus meletakkan UniMAP pada landasan terbaik bagi mencapai kejayaan berkenaan.